

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD
KAWASAN : LIPIS

SOALAN:

Y.B DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan sudah atau pun sedang berbincang dengan Kerajaan Negeri Pahang berkenaan dengan projek menaik taraf Jalan Benta – Jerantut dan Jalan Lipis - Kerambit - Jerantut – Kuantan. Secara langsung daripada penaiktarafan jalan ini, ianya akan membantu perkembangan ekonomi daerah lain termasuk Kuala Lipis, Jerantut sehingga Kuantan kerana pengguna jalan raya akan lebih kerap melalui daerah-daerah ini apabila jalan tersebut selamat digunakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 2 kontrak Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan 64 (FT64) dari Benta – Jerantut – Maran yang telah dimansuhkan JKR pada tahun 2009 dan 2010, iaitu melibatkan Fasa 1: Segmen 7 (6km) dan Fasa 3: Segmen 1 (8km), berikutan daripada masalah kelemahan kontraktor.

Kementerian ini telah mengemukakan permohonan kepada Agensi Pusat untuk tender semula kedua-dua projek ini dalam RMKe-10 dan Rolling Plan Pertama (2016-2017), RMKe-11 tetapi tidak diluluskan. Sehubungan itu kementerian ini akan berbincang dan mengemukakan permohonan semula kepada Agensi Pusat berkenaan untuk kelulusan pelaksanaan dalam tempoh Rolling Plan ke-2 (2017-2018), RMKe-11.

Mengenai cadangan projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan 234 (FT234) dari Lipis – Kerambit – Mela – Jerantut sepanjang 60km, untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek dengan anggaran kos RM500 juta ini telah dipohon dalam Rolling Plan 1 (2016-2017), RMKe-11 tetapi tidak diluluskan oleh Agensi Pusat berikutan peruntukan terhad dan keutamaan projek yang rendah. Walau bagaimanapun kementerian ini bersedia berbincang dengan Kerajaan Negeri untuk menentukan perancangan projek ini pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.